



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-61794752

Faksimile: 03-62414679

E-mel: wea0260@moe.edu.my



Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (70)

Tarikh : 26 Jun 2023

Semua Ibu Bapa / Penjaga

SMK Tiara Permai

Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN CUTI PERSEKOLAHAN SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti yang telah diumumkan bahawa Hari Raya Aidiladha tahun 2023 akan disambut pada 29 Jun 2023. Merujuk Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah telah diperuntukkan cuti tambahan perayaan sempena Hari Raya Aidiladha iaitu pada 28 Jun 2023 dan 30 Jun 2023.

3. Sehubungan dengan itu, semua murid dan guru akan bercuti pada 28, 29 dan 30 Jun 2023 sempena sambutan Hari Raya Aidiladha. Semua murid dan guru akan kembali ke sekolah pada 3 Julai 2023 (Isnin).

4. Pihak sekolah mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua warga SETIARA yang menyambutnya dan selamat bercuti kepada semua murid dan guru. Pihak sekolah juga berharap YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak/anak jagaan masing-masing dalam waktu cuti perayaan.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)

Pengetua

SMK Tiara Permai

Kuala Lumpur